

PERTANDINGAN REKACIPTA SABAH 2011

Anjuran



UNIT SAINS DAN TEKNOLOGI
JABATAN KETUA MENTERI

ZULL DESIGN
AUTOTRONIC
(000832962-W)

Media Rasmi

Daily Express



PERATURAN & SYARAT PERTANDINGAN REKACIPTA

1. PERATURAN PERTANDINGAN

- 1.1 Pertandingan adalah terbuka kepada semua rakyat negeri Sabah secara individu atau berkumpulan.
- 1.2 Tiada had umur.
- 1.3 Peserta diminta mengemukakan kertas konsep sahaja. Format kertas konsep perlu mempunyai bahagian-bahagian seperti i) Latar belakang projek, ii) Lukisan, iii) Penerangan lukisan, iv) Bagaimana sistem berfungsi dan v) Anggaran kos material digunakan (penghakiman peringkat pertama).
- 1.4 Penilaian dan pemilihan kertas konsep oleh pihak penganjur.
- 1.5 Peserta yang disenaraipendek dikehendaki membina prototaip.
- 1.6 Peserta adalah wajib hadir semasa penghantaran prototaip.
- 1.7 Peserta yang berjaya memenangi pertandingan **wajib** menjual ATAU memberikan hak pemasaran rekaciptanya kepada syarikat yang dipilih oleh penganjur.
- 1.8 Bahagian C Pra-perjanjian (dalam borang penyertaan) hendaklah ditandatangani sebelum pertandingan.
- 1.9 Peserta yang tidak tersenarai dalam senarai pendek masih boleh menyertai pertandingan akhir dengan syarat semua kos pembinaan prototaip dan perbelanjaan menghadiri pertandingan akhir ditanggung oleh peserta sendiri. Tetapi, jika ciptaan tersebut memenangi pertandingan, kos pembinaan prototaip dan elaun menghadiri sebanyak RM500.00 akan dibayar kembali oleh pihak penganjur.

2. KATEGORI REKACIPTA

KATEGORI	TEMA
AUTOMASI RUMAH	ALAT MEMBUNUH/PERANGKAP NYAMUK

3. PIHAK PENGANJUR MEMPUNYAI HAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK PENYERTAAN PERADUAN TANPA SEBARANG PENJELASAN.

4. **YURAN PENYERTAAN** – Tiada yuran penyertaan dikenakan.

5. **JUMLAH PENYERTAAN** – Peserta boleh menyertakan seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki tetapi setiap penyertaan disertakan dengan borang penyertaan dan dokumen-dokumen lain secara berasingan.

6. **BORANG PENYERTAAN** – Borang penyertaan boleh didapati di Pejabat Daerah, Pejabat Pelajaran Daerah, surat khabar *Daily Express* dan di Unit Sains dan Teknologi, JKM, Tingkat 7 Blok B, Wisma Muis, Kota Kinabalu.

7. TARIKH PENGHANTARAN BORANG PENYERTAAN DAN KERTAS KONSEP

- 7.1 Tarikh penghantaran borang penyertaan : 1 hingga 31 Mac 2011
- 7.2 Tarikh penyerahan kertas konsep : Pada atau sebelum 1 Jun 2011

Borang Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar/dialamatkan kepada Pejabat Unit Sains dan Teknologi dan mesti sampai sebelum tarikh tutup penghantaran. Bukti pos tidak boleh diterima

8. KRITERIA PENGHAKIMAN –

- 8.1 Keaslian
- 8.2 Kreativiti
- 8.3 Kegunaan dan Aplikasi
- 8.4 Potensi Komersial/Kebolehpasaran
- 8.5 Mesra Pengguna dan Mesra Alam

9. HADIAH/KEWANGAN/KONTRAK

- 9.1 Pemenang
 - 9.1.1 Pemenang akan menandatangani kontrak bersama syarikat yang dipilih oleh penganjur. Royalti akan dibayar mengikut kepada penjualan rekacipta, **ATAU**;
 - 9.1.2 Pemenang menjual terus hak rekacipta mereka kepada syarikat yang dipilih oleh pihak penganjur (bayaran dibuat sekali sahaja).
- 9.2 Pembiayaan kos pembinaan prototaip
 - 9.2.1 Peserta yang tersenarai akan diberi peruntukan berdasarkan penilaian panel untuk membina prototaip rekacipta oleh Syarikat Zull Design Autotronic.
- 9.3 Elaun
 - 9.3.1 Elaun RM500.00 akan diberi kepada penyertaan yang berjaya ke pertandingan akhir untuk menghadiri pertandingan akhir yang akan diadakan di Kota Kinabalu.

10. PENAFIAN

- 10.1 Pihak penganjur berhak untuk mengurus, mengangkut atau menyimpan model-model dan bahan-bahan lain yang diserahkan oleh peserta. Pihak penganjur akan memastikan keselamatan model-model dan bahan-bahan yang diserahkan oleh peserta dengan sebaik mungkin namun tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan dan kehilangan barang di atas.
- 10.2 Keputusan panel hakim dan pihak penganjur adalah muktamad. Peserta tidak berhak untuk menuntut bayaran atau gantirugi jika terdapat sebarang kehilangan, kos perbelanjaan atau kerosakan yang berlaku, atau berkaitan dengan pengurusan organisasi dan juga keputusan pertandingan.
- 10.3 Para peserta yang bertanding dimaklumkan bahawa di kebanyakan negara lain, penyertaan dalam pameran/pertandingan akan mengakibatkan pendedahan hakcipta di bawah undang-undang hakcipta masing-masing. Peserta dinasihatkan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi hakcipta dan hak pendaftaran mereka untuk menghalang kemungkinan berlakunya kecurian hakcipta akibat pendedahan rahsia ini. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecurian hakcipta yang dihadapi oleh mana-mana peserta Pertandingan Rekacipta Sabah 2011.

11. UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

Pengarah, Unit Sains dan Teknologi, Jabatan Ketua Menteri, Tingkat 7, Blok B, Wisma Muis, P.O.Box 15449, 88864 Kota Kinabalu.

Puan Fiona Joseph Sandi

Encik Mohd. Hanafi Bin Datuk Hj Semion

Tel : 088-240430 / 088-240317 / 088-240559 / 088-240315

Fax : 088-249410

E-mel : ust@sabah.gov.my / fiona.josephsandi@sabah.gov.my / mohdhanafi.semion@sabah.gov.my